

30/03/1997

Rata bukit: Selangor tidak dipersalahkan

Wan Jailani Razak

KUALA LUMPUR: Kerajaan Selangor tidak harus dipersalahkan atas kegiatan perataan bukit berhampiran kawasan Bukit Antarabangsa, Hulu Klang, dekat sini, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Sebaliknya, kata beliau, perbuatan itu mungkin berpunca daripada sikap pemaju yang tidak bertanggungjawab, manakala pihak berkuasa tempatan kurang memberi perhatian.

"Kerajaan Selangor sudah melakukan tugasnya dengan baik. Malah, Selangor adalah antara negeri pertama yang memperkenalkan undang-undang bagi melindungi kawasan tanah tingginya.

"Kerajaan tidak menghalang pembangunan tetapi mencegah kegiatan mengondol bukit sewenang-wenangnya. Kalau tempat itu perlu diluluskan untuk tujuan komersil, ia adalah di bawah pihak berkuasa tempatan," katanya.

Beliau menjelaskan kepada pemberita demikian selepas melancarkan Sistem Cerucuk-G dan upacara menandatangani perjanjian di antara G-Pile System Sdn Bhd (G-Pile System) dan Jiangan Shipyard (Group) Co Ltd di Tapak Projek Nation Holding, Selayang dekat sini, semalam.

Berita Harian kelmarin menyiarkan gambar dari udara menunjukkan kawasan di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang sudah dibersihkan dan dipercayai dijadikan teres untuk projek pembangunan.

Beberapa bukit sudah diratakan bagi penyediaan tapak, manakala satu daripada puncak bukit diratakan sepenuhnya.

Tinjauan itu juga mendapati pokok yang ditebang masih bertaburan di kaki bukit terbabit dan beberapa jentolak kelihatan meratakan kawasan.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyiasat kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di Selangor.

Dr Ting berkata, Selangor serius menangani masalah itu dan masing-masing sedia bekerjasama bagi memastikan perkara itu tidak berulang.

Pemaju projek berkenaan sudah diarah menghentikan kerja di tapak terbabit dan menyediakan laporan terperinci mengenai program pemuliharaan bukit selaras undang-undang sedia ada.

"Kita sedang menunggu laporan daripada pihak pemaju untuk dibincangkan dalam jawatankuasa sedikit masa lagi. Kemudian, baru kita bincang dalam Kabinet," katanya.

Menurutnya, kerajaan memandang serius perkara itu dan akan menjalankan siasatan bersepadu terhadap pelbagai agensi yang terbabit dalam projek pembangunan termasuk di kawasan Bukit Antarabangsa, Hulu Klang, tidak lama lagi.

Siasatan rapi itu membabitkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Jabatan Alam Sekitar serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

(END)